

Risalah Pemberitahuan Produk



Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih i-Great Murni 2.0. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")
Nama Produk : i-Great Murni 2.0
Tarikh : 26/08/2025

1. Apakah produk ini?

i-Great Murni 2.0 merupakan pelan Takaful Keluarga Bertempoh dengan caruman berkala yang meningkat setiap tahun yang memberi perlindungan kematian sehingga umur 80 tahun hari lahir berikutnya (atau Hilang Upada Penuh dan Kekal sehingga umur 70 tahun hari lahir berikutnya) dan tiada elemen simpanan dan pelaburan.

2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- **Wakalah:** Kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* yang mana caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar, di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Dana *Tabarru'*.
- **Mudharabah:** Kami, bertindak sebagai usahawan (*Mudharib*) yang menguruskan dana yang dikumpul dan Peserta sebagai pemilik modal (*Rabbul Mal*). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Peserta di atas pulangan pelaburan Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 50:50 setiapnya yang akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- **Tabarru':** Sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Peserta rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.
- **Ju'alah:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Peserta akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- **Qard:** Pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. Qard tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Manfaat	Penerangan
Manfaat Kematian	Semasa Sijil ini berkuatkuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, Jumlah Perlindungan ini akan dibayar sekiranya berlaku kematian ke atas Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan.
Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)	Semasa Sijil ini berkuatkuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, manfaat ini akan dibayar apabila Orang yang Dilindungi mengalami hilang upaya penuh dan kekal, sebelum ulang tahun Sijil apabila Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 tahun hari lahir berikutnya.
Elaun Pengurusan Pengebumian	RM 5,000 dari Jumlah Perlindungan akan dibayar terlebih dahulu dari Dana <i>Tabarru'</i> sekiranya berlaku kematian ke atas Orang yang Dilindungi sebagai bantuan kewangan untuk manampung perbelanjaan pengebumian, dengan syarat semua dokumen yang Kami perlukan berhubung dengan tuntutan tersebut diberi kepada Kami.

Tempoh perlindungan: Sehingga umur 80 tahun hari lahir berikutnya atau sehingga penamatan, yang mana terdahulu.

Nota:

- Semua manfaat di bawah pelan ini dibayar daripada Dana *Tabarru'*, yang merujuk kepada kumpulan dana yang disediakan demi kesejahteraan dan menjalin kerjasama di antara peserta-peserta yang digunakan untuk membantu peserta-peserta sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
- Manfaat HUPK maksimum yang dibayar di bawah Sijil ini dan semua Sijil Takaful Keluarga bagi individu dan yang berkaitan dengan kredit (termasuk rider) ke atas Orang yang Dilindungi yang sama ialah RM2,000,000.

- (iii) Bagi Elaun Pengurusan Pengebumian, manfaat sebanyak RM 5,000 adalah tidak termasuk sebagai sebahagian daripada jumlah yang akan dibayar kepada penama di bawah *Hibah* bersyarat. Jumlah tersebut akan diagihkan kepada ahli keluarga terdekat Orang yang Dilindungi ketika tuntutan Manfaat Kematian.
- (iv) Pembayaran Elaun Pengurusan Pengebumian tidak akan menentukan pengakuan liabiliti oleh Kami untuk membayar Manfaat Kematian.
- (v) Elaun Pengurusan Pengebumian yang dibayar tertakluk kepada pembayaran maksimum sebanyak RM 5,000 setiap seorang di bawah Sijil ini dan Sijil-Sijil lain yang Kami keluarkan yang menyediakan Elaun Pengurusan Pengebumian ke atas Orang yang Dilindungi yang sama.
- (vi) Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk pada Sijil untuk butiran lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah Caruman yang saya perlu bayar?

- Sila rujuk pada Jadual Caruman bagi jumlah Caruman yang perlu anda bayar bagi Jumlah Perlindungan pilihan anda.
- Caruman boleh dibuat melalui kad kredit, secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.
- Tempoh bayaran Caruman: sama seperti tempoh perlindungan atau sehingga penamatan, yang mana terdahulu.

Nota:

- (i) Caruman yang dibayar akan disalurkan terus ke dalam Dana *Tabarru'*.
- (ii) Caruman adalah tidak dijamin. Kami boleh mengubah kadar caruman ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada anda.
- (iii) Caruman untuk pelan ini adalah caruman yang mungkin akan meningkat setiap tahun berdasarkan umur hari lahir berikut Orang yang Dilindungi yang dicapai pada hari pertama setiap Ulang Tahun Sijil tersebut.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- **Caj Pendahuluan** adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Dana *Tabarru'* (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan / atau cukai-cukai lain, jika ada), yang terdiri daripada:
 - (i) kos pengedaran langsung, dan
 - (ii) perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan Sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM 10.
- **Caj Pendahuluan** yang dibayar di bawah pelan ini adalah 10% dari Caruman anda. Sila rujuk Jadual Caruman bagi pengiraan Caj Pendahuluan Tahunan.
- ***Tabarru'*** adalah jumlah baki di dalam Dana *Tabarru'* setelah penolakan Caj Pendahuluan. *Tabarru'* mungkin meningkat seiring dengan kenaikan umur. Kadar *Tabarru'* yang dikenakan berbeza mengikut umur hari lahir berikutnya, jantina, dan status merokok Orang yang Dilindungi pada ulang tahun Sijil. Maklumat tentang *Tabarru'* dan caj-caj lain untuk pelan ini boleh didapati di dalam Sijil.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material dan menyatakan umur anda dengan betul.
- **Tempoh Rujukan Percuma** - Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda dalam masa lima belas (15) hari setelah menandatangani Resit e-Pengakuan setelah menerima e-Sijil, melalui pemberitahuan bertulis kepada Kami. Kami akan kembalikan sebarang Caruman yang telah dibayar berkenaan dengan Sijil ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada.
- **Tempoh Tenggang** - anda mempunyai tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh Caruman berikut yang perlu dibayar untuk membayar Caruman.
- **Prosedur Tuntutan** - borang tuntutan boleh didapati daripada Kami. Bukti tuntutan mestilah diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat. Bagi tuntutan kematian, adalah dinasihatkan untuk memaklumkan Kami serta-merta.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah had-had dan pengecualian utama di bawah Sijil ini?

- Pengecualian untuk Manfaat Kematian dan Elaun Pengurusan Pengebumian:
 - (i) tiada manfaat yang akan dibayar sekiranya berlaku bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Berkuatkuasa atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

- **Pengecualian untuk Manfaat HUPK:**

Tiada manfaat dibayar sekiranya HUPK yang dialami Orang yang Dilindungi:

- (i) disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- (ii) sedia wujud sebelum atau pada tarikh berkuatkuasa pelan atau pada sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian.
- (iii) akibat daripada pelanggaran undang-undang atau provokasi menyerang oleh anda.
- (iv) disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual biasa.
- (v) akibat peperangan, samada diisytiharkan atau tidak.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Menyertai pelan Takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar caruman dalam tempoh tenggang selama 30 hari, Sijil anda mungkin luput dengan segera yang boleh menyebabkan anda kehilangan perlindungan.

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan Takaful Keluarga, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tel : (603) 4259 8335

Faks : (603) 4259 8808

Careline : 1 300 13 8338

E-mel : GreatAssist@greateasterntakaful.com

Laman web : www.greateasterntakaful.com

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila hubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HENDAKLAH MEMILIH SIJIL YANG MENEPATI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA SANGAT DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA SERTAI. PERLINDUNGAN BAGI PELAN INI HANYA AKAN BERMULA KETIKA SIJIL BERKUATKUASA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA DAN TERUS MENGHUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada 26/08/2025.

SCHEDULE OF CONTRIBUTION / JADUAL CARUMAN

Annual Contribution and Annual Upfront Charge for i-Great Murni 2.0 / Caruman Tahunan dan Caj Pendahuluan Tahunan bagi i-Great Murni 2.0

Rate per RM 1,000 Basic Sum Covered (BSC) according to Gender and smoking status on Attained Age Next Birthday (Age) /

Kadar bagi setiap RM 1,000 Jumlah Perlindungan Asas (BSC) mengikut Jantina dan status merokok pada Umur tercapai Hari Lahir Berikutnya (Umur)

Age/ Umur	Male / Lelaki		Female / Perempuan		Age/ Umur	Male / Lelaki		Female / Perempuan		Age/ Umur	Male / Lelaki		Female / Perempuan	
	Non-Smoker / Tidak Merokok	Smoker / Merokok	Non-Smoker / Tidak Merokok	Smoker / Merokok		Non-Smoker / Tidak Merokok	Smoker / Merokok	Non-Smoker / Tidak Merokok	Smoker / Merokok		Non-Smoker / Tidak Merokok	Smoker / Merokok	Non-Smoker / Tidak Merokok	Smoker / Merokok
19 to 31	2.03	2.95	1.34	1.47	48	4.66	6.95	3.06	3.44	64*	23.56	36.56	13.56	16.75
32	2.03	2.95	1.34	1.53	49	5.18	7.64	3.44	3.85	65*	25.93	39.44	14.70	18.43
33	2.03	2.95	1.34	1.56	50	5.74	8.36	3.85	4.32	66*	28.25	42.95	16.13	20.25
34	2.03	2.95	1.35	1.63	51	6.29	9.27	4.32	4.80	67*	31.06	47.25	17.75	22.27
35	2.03	2.95	1.40	1.69	52	6.94	10.20	4.80	5.33	68*	34.16	50.68	20.07	24.50
36	2.05	2.96	1.46	1.75	53	7.63	11.24	5.33	5.92	69*	37.57	55.76	21.87	26.95
37	2.07	3.08	1.47	1.80	54	8.44	12.40	5.92	6.56	70*	41.35	61.35	22.95	29.65
38	2.15	3.17	1.55	1.86	55	9.36	13.65	6.17	6.85	71*	44.57	66.80	25.25	32.60
39	2.25	3.35	1.63	1.90	56	10.28	15.04	6.85	7.60	72*	48.58	73.48	27.76	35.87
40	2.34	3.49	1.68	2.03	57	11.30	16.54	7.60	8.40	73*	52.96	80.85	30.54	39.46
41	2.45	3.66	1.68	2.15	58	12.57	18.36	8.40	9.26	74*	57.74	88.93	33.57	43.43
42	2.58	3.86	1.75	2.25	59	13.84	20.19	9.26	10.17	75*	62.94	97.80	36.95	47.75
43	2.86	4.26	1.86	2.36	60	15.36	23.33	10.13	11.05	76*	68.58	107.57	40.65	52.54
44	3.15	4.67	1.98	2.54	61*	17.38	26.26	11.00	12.14	77*	74.76	118.35	44.73	57.77
45	3.50	5.20	2.17	2.70	62*	19.14	29.16	11.80	13.46	78*	81.48	130.17	49.17	63.56
46	3.85	5.74	2.42	2.90	63*	21.05	32.65	12.64	15.05	79*	88.83	143.18	54.10	69.93
47	4.25	6.30	2.72	3.09										

*Renewal only / Pembaharuan sahaja

How to calculate your Annual Contribution and Annual Upfront Charge / Bagaimana untuk mengira Caruman Tahunan dan Caj Pendahuluan Tahunan anda:

Sum Covered / Jumlah Perlindungan:	Plan 2: RM 200,000	Annual Contribution / Caruman Tahunan (AC):	RM 590.00
Age Next Birthday / Umur Hari Lahir Berikut:	25 (Male, Smoker) / (Lelaki, Merokok)	Half-yearly Contribution / Caruman Setengah Tahunan:	AC x 0.5
Rate per / Kadar setiap RM 1,000 BSC:	2.95	Quarterly Contribution / Caruman Suku Tahunan:	AC x 0.25
Annual Contribution / Caruman Tahunan (AC):	200,000 x 2.95 / 1,000 = RM 590.00	Monthly Contribution / Caruman Bulanan:	AC x 0.083333
Upfront Charge / Caj Pendahuluan:	RM 590.00 x 10% = RM 59.00		

The actual calculated contribution may be rounded up to two decimal places. / Kiraan caruman sebenar boleh dibundarkan ke dua tempat perpuluhan.

Note / Nota:

The Annual Contribution and Annual Upfront Charge are not guaranteed. Final rates are subject to Us. We may vary the rates on Certificate Anniversary by giving at least three (3) months advance written notice to you. / Caruman Tahunan dan Caj Pendahuluan adalah tidak dijamin. Kadar muktamad adalah tertakluk kepada pertimbangan Kami. Kami boleh mengubah kadar tersebut pada Ulangtahun Sijil dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada anda.

BSC = Basic Sum Covered / Jumlah Perlindungan Asas

Upfront Charge is 10% of the Contribution paid / Caj Pendahuluan adalah 10% daripada Caruman yang dibayar